

GARIS PANDUAN PENGURUSAN

DANA KANDUNGAN DIGITAL (DKD) INDUSTRI MUZIK 2023

KEBOLEHAN PASARAN (CREATE TO MARKET)

1. TUJUAN

Garis Panduan Pengurusan Dana Kandungan Digital (DKD) Industri Muzik adalah bertujuan menetapkan proses tadbir urus, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan serta pengurusan DKD Industri Muzik.

2. LATAR BELAKANG

Dana Kandungan Digital (DKD) yang dahulu dikenali dengan Dana Industri Kandungan Digital (DIKD) mula diperkenalkan pada April 2015 sebagai kesinambungan Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) yang telah dilancarkan pada tahun 2012 dan sejajar dengan penubuhan *Content Malaysia Pitching Centre* (CMPC) yang bertujuan untuk memperkemas dan mempermudah penyaluran dana-dana berkaitan industri kandungan kreatif. DKD diperuntukkan di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) dan DKD Industri Muzik dilaksanakan oleh MyCreative Ventures Sdn. Bhd. (MYCV).

3. OBJEKTIF

Objektif DKD Industri Muzik adalah bertujuan: -

- i. Memudah dan menggalakkan penggiat industri dalam **penghasilan**, **penerbitan** dan **penyebaran** kandungan berkaitan muzik yang berdaya cipta dan berupaya dipasarkan di pasaran tempatan dan antarabangsa;

- ii. **Membangunkan modal insan yang bermutu bagi mengembangkan potensi industri muzik; dan**
- iii. **Membangunkan industri muzik yang berdaya saing dan memberi impak ekonomi yang positif.**

4. DANA KEBOLEHAN PASARAN (CREATE TO MARKET)

Jumlah dan kategori peruntukan pembiayaan adalah seperti berikut:-

Bil.	KATEGORI	PEMBIAYAAN
1	Produksi karya baru seperti rakaman single atau Extended Play (EP) atau album dan/atau penciptaan kandungan digital (video muzik).	*Sehingga RM100,000.00
2	Pemasaran dan promosi secara fizikal seperti <i>tour, showcase</i> (domestik) dan digital seperti <i>podcast, youtube, facebook ads</i> dan yang berkaitan.	

*Sebarang projek berlainan daripada yang dinyatakan di atas **TIDAK** akan diterima

5. KRITERIA KELAYAKAN PEMOHON

Setiap permohonan perlu memenuhi kriteria yang telah ditetapkan untuk dipertimbangkan dan dinilai seperti berikut :-

BIL.	SYARIKAT
1	Warganegara Malaysia, berumur 18 tahun ke atas dan organisasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Syarikat yang didaftarkan di bawah Kerajaan Negeri.
2	Tidak bankrap , tidak tertakluk kepada satu perintah penggulungan dan tidak disenarai hitam oleh agensi atau jabatan yang berkuatkuasa
3	<p>i. Minimum 3 tahun pengalaman professional dalam bidang muzik dan memiliki portfolio kerja yang terlibat secara aktif dalam sektor muzik di Malaysia; dan</p> <p>ii. Mempunyai single/album terkini di pasaran dan/atau di platform digital.</p> <p>Ini adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada:</p> <p>a. Artis solo, band atau kumpulan</p> <p>b. Label muzik komersial atau independen Malaysia</p> <p>c. Permohonan boleh dibuat oleh individu, kolektif/kumpulan atau organisasi yang berdaftar dengan SSM atau Syarikat yang didaftarkan di bawah Kerajaan Negeri</p> <p>d. Pemohon wajib membabitkan diri secara aktif dalam keseluruhan projek.</p>

6. SENARAI SEMAK PERMOHONAN

Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen – dokumen seperti berikut: -

Bil.	SYARIKAT
1	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan 3 bulan Penyata Kewangan yang terkini
2	Salinan Kad Pengenalan Pemilik
3	Portfolio Projek Terdahulu (sekurang-kurangnya 3 tahun dalam industri)
4	<p>Kertas Cadangan Projek</p> <p>Setiap permohonan perlu dihantar kepada Urus setia beserta butiran maklumat dengan menggunakan format <i>Arial 14, 1.5 spacing, word/pdf/ppt</i> dan -</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Tajuk Projek b) Latar Belakang Projek c) Objektif Projek d) Komponen-komponen dalam produksi dan pemasaran seperti senarai nama tenaga produksi dan pemasaran, cadangan tarikh, tempat dan lain-lain sekiranya melibatkan showcase atau tour e) Kumpulan sasar (Domestik & Antarabangsa) <ul style="list-style-type: none"> ● Demografik pendengar/penonton/pengunjung f) Kaedah Pelaksanaan Projek:- <ul style="list-style-type: none"> ● Promosi/Publisiti/Pengiklanan ● Anggaran Perincian Perbelanjaan (perlu jelas) ● <i>Return of Investment</i> (ROI) dan Impak (jelas dan “<i>quantified</i>”) ● Jumlah Tenaga Kerja <p>Bajet yang lengkap merangkumi kategori berikut:-</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Produksi 2. Promosi dan Pemasaran

7. Permohonan Yang Tidak Akan Dipertimbangkan

- i. Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan
- ii. Badan Bukan Kerajaan
- iii. Pertubuhan Bukan Berasaskan Keuntungan (NPO)
- iv. Pertubuhan politik
- v. Persatuan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966
- vi. Individu/orang perseorangan **TIDAK BERDAFTAR** dengan SSM (sekurang-kurangnya pemilikan tunggal) atau Syarikat didaftar di bawah Kerajaan Negeri
- vii. Koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993
- viii. Mana-mana entiti yang telah disenaraihitamkan oleh pihak Kerajaan
- ix. Permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan
- x. Permohonan yang telah menerima peruntukan/ bantuan kewangan daripada MyCV atau agensi-agensi Kerajaan dan sedang dalam fasa pelaksanaan projek; dan
- xi. Permohonan yang tidak mempunyai komponen muzik yang jelas, termasuk yang mempermainkan isu-isu sensitiviti kaum, bangsa, politik dan agama
- xii. Permohonan yang tidak dapat menunjukkan usaha yang jelas dalam memberi manfaat kepada artis atau penggiat muzik
- xiii. Permohonan yang khusus untuk tujuan akademik atau dibentangkan di bawah naungan sebuah sekolah atau institusi pengajian tinggi dan merupakan sebahagian daripada kurikulumnya
- xiv. Permohonan bagi projek/acara yang sedang berlangsung atau telah tamat

8. OUTPUT PROJEK DKD INDUSTRI MUZIK

DANA KEBOLEHAN PASARAN (CREATE TO MARKET)

Bil.	KATEGORI PROJEK	OUTPUT
1	Produksi karya baru seperti rakaman single atau Extended Play (EP) atau album dan/atau penciptaan kandungan digital (video muzik).	<ul style="list-style-type: none"> i. Rakaman lagu dan/atau video muzik yang lengkap dalam format digital; dan ii. Satu laporan penuh yang dikemukakan dalam format laporan
2	Pemasaran dan promosi secara fizikal seperti <i>tour</i> , <i>showcase</i> (domestik) dan digital seperti <i>podcast</i> , <i>youtube</i> , <i>facebook ads</i> dan yang berkaitan.	<ul style="list-style-type: none"> i. Video travelog berdurasi sekurang-kurangnya 5 minit dalam format digital yang menunjukkan perjalanan <i>tour/showcase</i> secara fizikal dan ii. Satu laporan penuh yang dikemukakan dalam format laporan.

Nota:

- i. Perincian bajet mestilah bersesuaian dengan jumlah dana yang dipohon melibatkan dua (2) kategori iaitu produksi dan pemasaran & promosi.
- ii. Keutamaan akan diberikan kepada projek yang menjanakan bilangan pekerjaan yang tinggi melibatkan penggiat industri muzik.

9. PENYALURAN PEMBAYARAN DKD INDUSTRI MUZIK

- i. Menggunakan peruntukan atau mana-mana sumber kewangan yang diperuntukkan oleh Kerajaan. Pembayaran adalah bergantung kepada kelulusan Jawatankuasa yang merangkumi aktiviti, kos penyumberan luar (*outsourcing*), kos perkhidmatan dan kemudahan bersama, kos gaji dan lain-lain kos yang berkaitan dengan sesebuah projek tertakluk kepada mana-mana sumber kewangan yang diperuntukkan oleh kerajaan;
- ii. Pembayaran DKD Industri Muzik adalah secara berperingkat mengikut perkembangan kemajuan projek (*milestone*) serta tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa; dan
- iii. Serahan dokumen yang lengkap dan teratur perlu dikemukakan kepada MyCV untuk urusan pemprosesan dan penyaluran pembayaran DKD Industri Muzik.

CARTA ALIR PENGURUSAN DANA KANDUNGAN DIGITAL INDUSTRI MUZIK

